



**SISTEM ePEROLEHAN  
PEROLEHAN SECARA TENDER / SEBUT HARGA**

**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**KENYATAAN TAWARAN**

**TARIKH IKLAN : 8 Mac 2019**

Tender adalah dipelawa daripada Pembekal-pembekal yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dalam kod bidang **210101, 210102, 210103, 210104, 210105, 210106 dan 210107** serta **pendaftarannya masih lagi berkuatkuasa** untuk mengambil bahagian di dalam tender berikut :-

<b>BUTIR-BUTIR TAWARAN</b>	<b>JADUAL T/P&amp;P</b>	<b>TARIKH/MASA/TEMPAT TAKLIMAT/LAWATAN TAPAK (Kehadiran Taklimat/Lawatan Tapak DIWAJIBKAN)</b>	<b>KAEDAH PEROLEHAN</b>
<p>Tawaran Tender Perkhidmatan Sokongan Operasi Dan Penyelenggaraan Bagi Perkakasan, Perisian, Aplikasi Dan Rangkaian Untuk <i>Oral Health Clinical Information System</i> (OHCIS) Kementerian Kesihatan Malaysia</p> <p><b>No. Tender : QT19000000035723</b></p>	29/2019	<p>Tarikh : 15 Mac 2019 Masa : 9.00 pagi Tempat : Bilik Mesyuarat Utama Program Kesihatan Pergigian Kementerian Kesihatan Malaysia Aras 5, Blok E10, Kompleks E 62590 Putrajaya</p> <p><b>SYARAT:</b></p> <p>Petender hendaklah membawa bersama Cop Rasmi Syarikat, Sijil Pendaftaran Asal dengan Kementerian Kewangan dan Sijil Taraf Bumiputera (Jika ada) berserta dengan salinan fotostat (tidak dikembalikan) semasa sesi taklimat berkenaan. Hanya penama di Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat SAHAJA yang boleh menghadiri taklimat dan tidak boleh mewakili pegawai selain daripada penama yang dibenarkan dalam sijil.</p>	Secara ePerolehan

**Telecenter:**

**Bahagian Perolehan dan Penswastaan,  
Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 7, Blok E7, Kompleks E, Presint 1,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62590 PUTRAJAYA  
No. Telefon : 03-8883 3022**

Dokumen Tender boleh disemak selepas taklimat/lawatan tapak mulai **15 Mac 2019 dengan melayari [www.eperolehan.com.my](http://www.eperolehan.com.my).**

Pembekal yang ingin menyertai tender ini mestilah ePerolehan *enabled*. Sistem ePerolehan mempelawa pembekal secara **Auto Invite** dan hanya pembekal yang mempunyai kod bidang berkenaan sahaja layak menyertai tender tersebut.

Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan yang lengkap hendaklah dikunci masuk (*key-in*) ke dalam sistem ePerolehan pada atau sebelum **5 April 2019 jam 12.00 tengah hari. Semua dokumen pelawaan, dokumen tawaran dan dokumen sokongan hendaklah dikemukakan secara elektronik dan penyerahan dokumen secara manual adalah tidak dibenarkan. Penyerahan secara manual hanya dibenarkan bagi sampel sahaja (jika berkenaan).**

**Tawaran yang lewat tidak akan diterima.**

Kementerian Kesihatan Malaysia tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah ataupun sebarang tawaran.

Syarikat/Firma/Koperasi/Pemilikan Tunggal\* hendaklah mengambil perhatian bahawa setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan hanya sekali bayaran (*one-time payment*) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan pada kadar sebanyak 0.8% dengan had maksimum RM9,600 bagi transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih;

Atau

Setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan beberapa kali pembayaran (*multiple payment*) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan sebanyak 0.4% dengan had maksimum RM4,800 bagi pesanan bernilai RM1.2 juta atau lebih.

\*Yang mana berkenaan

Ketua Setiausaha,  
Kementerian Kesihatan Malaysia.